



**JABATAN PENDAFTAR  
REGISTRAR'S OFFICE**  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN  
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199  
Faks (Fax): 604-928 3104  
Laman Web (Web): [www.uum.edu.my](http://www.uum.edu.my)

---

**KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI**

UUM/PEN/ I-2  
1 Mac 2016

Seperti di lampiran

Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan sukacita memaklumkan bahawa Universiti Utara Malaysia (UUM) ingin mempelawa staf akademik di organisasi Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) di Universiti ini mulai **16 September 2016**.

2. Calon yang berminat perlulah mengemukakan surat permohonan berserta dokumen *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport serta ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UUM.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Mac 2016 (Khamis)** dan sila kemukakan permohonan tersebut kepada alamat berikut:

**Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman**

4. Bersama-sama ini saya lampirkan hebahan iklan berkaitan perkara ini untuk dimaklumkan kepada staf akademik di organisasi Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

**'ILMU, BUDI, BAKTI'**

Saya yang menurut perintah

(MOHAMAD AKHIR HJ. YUSUF)

Pendaftar  
b.p Naib Canselor

Tel: 04-928 3100/3101; Faks: 04-928 3104; Email: [akhir155@uum.edu.my](mailto:akhir155@uum.edu.my)

s.k.: Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor

---

Universiti Pengurusan Terkemuka  
*The Eminent Management University*



**SENARAI EDARAN**

**Encik Yusoff bin Musa**  
Pendaftar  
Universiti Malaya (UM)  
Lembah Pantai  
**50603 KUALA LUMPUR**

No. Tel : 03-7967 3204  
No. Fax : 03-7956 4004

**Prof. Dr. Abdul Aziz bin Tajuddin**  
Pendaftar  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Minden  
**PULAU PINANG**

No. Tel : 04-653 3111  
No. Fax : 04-658 1718

**Encik Abd. Razak bin Hussin**  
Timbalan Pengarah Kanan  
(Menanggung Tugas Pengarah Eksekutif Pentadbiran)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi  
**SELANGOR**

No. Tel : 03-8921 4888  
No. Fax : 03-8926 7950

**YBhg. Dato' Wan Azman bin Wan Omar**  
Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Serdang  
**SELANGOR**

No. Tel : 03-8947 1501  
No. Fax : 03-8942 6468

**Tuan Haji Wan Mohd Zawawi bin Wan Abd Rahman**  
Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 Skudai  
**JOHOR**

No. Tel : 07-553 0444  
No. Fax : 07-556 1722

**Puan Azida binti Azmi**  
Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
**40450 SHAH ALAM**

No. Tel : 03-5544 2266  
No. Fax : 03-5544 3001

**YBhg. Dato' Abdul Rahim bin Ahmad**  
Pengarah Eksekutif  
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
P.O. Box 10  
**50728 KUALA LUMPUR**

No Tel : 03-6196 4966  
No. Fax : 03-6196 4997

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ibrahim**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
94300 Kota Samarahan  
**SARAWAK**

No. Tel : 082-581 091  
No. Fax : 082-581 168

**Encik No'man bin Hj. Ahmad**  
Pemangku Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Aras 4, Blok Selatan  
Bangunan Canselori  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu  
**SABAH**

No. Tel : 088-320 383  
No. Fax : 088-448 553

**Encik Mohd Faizi bin Othman**  
Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Jalan Slim  
35900 Tanjong Malim  
**PERAK**

No. Tel : 05-459 5487  
No. Fax : 05-459 5429

**Encik Muhammad Haizuan bin Rozali**  
Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Pejabat Pendaftar, Aras 2  
Bangunan Canselori  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
**NEGERI SEMBILAN**

No. Tel : 06-798 8101  
No. Fax : 06-799 3843

**Encik Mohd Nor Shokri bin Abd. Rahman**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
Mengabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

No. Tel : 09-668 5151  
No. Fax : 09-669 6441

**Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman**  
Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja, Batu Pahat  
**JOHOR**

No. Tel : 07-453 7103  
No. Fax : 07-453 6337

**YBhg. Datuk Hasan bin Sirun**  
Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**

No. Tel : 06-555 2013  
No. Fax : 06-331 6114

**Encik Abd Rahman bin Hj Safie**  
Pemangku Pendaftar  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
Jabatan Pendaftar  
Lebuh Raya Tun Razak  
26300 Gambang, Kuantan  
**PAHANG**

No. Tel : 09-549 2614  
No. Fax : 09-549 9181

**Encik Zuber bin Hj Mohamad**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)  
Tingkat 3, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar  
**PERLIS**

No. Tel : 04-979 8020  
No. Faks: 04-977 8013

**Prof. Madya Nordin bin Jusoh**  
Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Kampus Kota  
Jalan Sultan Mahmud  
20400 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

No. Tel : 09-6688 273  
No. Fax : 09-6687 884

**Encik Pauzi bin Pak Chu**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Kampus Bachok  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok  
**KELANTAN**

No. Tel : 09-779 7051  
No. Fax : 09-771 7052

**Encik Bakhari bin M. Yasin**  
Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Kem Sungai Besi  
**57000 KUALA LUMPUR**

No. Tel : 03-9051 3403  
No. Fax : 03-9058 1536



**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Pemohon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria kecemerlangan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan berikut:

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
2. Gred : Gred Utama (B) (VU6)
3. Jadual Gaji (Min – Mak) : RM7,788.05 hingga RM15,900.42
4. Elaun-elaun :

Imbuan (Imb.)Tetap Perumahan	: RM1,600.00
Imb. Tetap Keraian	: RM3,050.00
Imb. Tetap Jawatan Gred Utama	: RM1,500.00
Elaun Pembantu Rumah	: RM 500.00
Bantuan Menyelenggara Rumah (Setahun)	: RM2,000.00
Elaun Khas Pentadbiran	: RM1,500.00
5. Taraf Lantikan : Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak
6. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun mulai 16 September 2016 (Tertakluk kepada Keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia)
7. Kelayakan : Telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/ Fakulti /Jabatan.

8. Kriteria Umum :

a) **Kecemerlangan akademik:**

Seorang ahli akademik yang cemerlang, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

b) **Pengiktirafan antarabangsa;**

Diiktiraf *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima anugerah dan pengiktirafan organisasi terkemuka antarabangsa.

c) **Kebolehan memimpin dan mengurus;**

Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran Komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dan menentukan kemampuan calon.

d) **Reputasi;**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman, *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.



e) **Personaliti;**

Mempunyai kewibawaan, karismatik, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mampu memberi motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mesti mempunyai kefahaman yang mendalam tentang aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

f) **Proaktif;**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian isu dalam apa jua situasi.

g) **Perwatakan;**

Mempunyai perwatakan yang dinamik dan bertanggungjawab serta komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.

h) **Pengurusan konflik;**

Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.

i) **Potensi;**

Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

j) **Lain-lain kriteria**

Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* universiti.

9. Kriteria Khusus : Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:-

**a) Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*Curriculum Design*)**

Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal pengajaran dan pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam merekabentuk kurikulum pengajian di universiti.

**b) Pakar Pengajaran dan Pembelajaran;**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) juga merupakan orang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (Teaching & Learning). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

**c) Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan;**

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta dilantik sebagai Profesor. Hal ini penting kerana sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), beliau akan bertindak

sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, calon hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

**d) Mempunyai Jaringan Yang Luas di Peringkat Antarabangsa;**

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, penyandang juga bertanggungjawab mempromosi dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.

10. Cara Memohon : Calon yang berminat hendaklah mengemukakan surat permohonan beserta gambar berukuran *passport* terkini dan *Curriculum Vitae* (CV) yang mengandungi maklumat berikut:

- a) Latar belakang peribadi (termasuk No. Kad Pengenalan), keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan e-mail untuk dihubungi;
- b) Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya;
- c) Anugerah dan hadiah yang berprestij yang telah diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;

- d) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
- e) *Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UUM.

10. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temubual.

11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Baharudin Yaacob  
Timbalan Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
No. Tel: 04-9283102 / 3103 atau 019-4511451  
Email: [baha646@uum.edu.my](mailto:baha646@uum.edu.my)

12. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN**

13. Tarikh tutup permohonan ialah pada **31 Mac 2016 (KHAMIS)**.